

Ucapan: ADHO

561

180/80

Ucapan Y.B. Encik Hussein Onn, Menteri Pelajaran, di Majlis Pembukaan Rasmi Kem Kerja Menggubal Sukatan-Sukatan Pelajaran bagi Rancangan Persepaduan Latihan Perguruan Rendah dan Menengah, di Dewan Maktab Perguruan Persekutuan, Pulau Pinang pada hari Isnin, 13 hb. November, 1972 jam: 10.30 pagi

---

Fail.

H 14/11.

1. Dalam ucapan saya di Maktab Perguruan  
Temenggong Ibrahim Johor Bahru pada 28hb Ogos, 1971,  
saya telah menyatakan bahawa dalam tahun tujuh puluhan  
ini, kita akan memasuki suatu peringkat baharu dalam  
bidang perkembangan pendidikan dan latihan guru.  
Peringkat baru ini bolehlah dianggap sebagai peringkat  
yang bermatlamat menambah maju dan memperkembangkan  
mutu (kualiti) pendidikan dan pengajaran di sekolah-  
sekolah, melalui mutu guru-guru yang dilatih dan  
dilatih semula di maktab-maktab.

2. Sejak ucapan saya di Johor Bahru itu, Bahagian Latihan Guru Kementerian Pelajaran telah memperhebatkan usaha-usaha bagi meninggikan mutu pendidikan dan latihan guru-guru. Misalnya, tujuan 'am dan tertentu latihan perguruan telah digubal. Selain daripada tujuan-tujuan dari segi akademik dan ikhtisas, tujuan-tujuan dan cita-cita kebangsaan untuk mengujudkan masyarakat baru dan cita-cita sistem pelajaran kebangsaan, adalah menjadi asas kepada tujuan-tujuan latihan perguruan yang telah digubal itu. Saya percaya inilah julong kali matlamat latihan perguruan dinyatakan secara butiran dan secara yang lebih meliputi.

3. Untuk meninggikan mutu pendidikan dan latihan guru keseluruhannya, suatu rancangan bagi mempersespadukan latihan perguruan rendah dan menengah rendah, telah pula digubal. Oleh kerana kem kerja yang akan berlangsung selama seminggu ini adalah berupa kemuncak kepada persiapan-persiapan untuk mengujudkan latihan perguruan yang bersepadu itu, biarlah saya memberi sedikit latar belakang kerja-kerja yang telah dijalankan sebelumnya dan yang akan dilaksanakan selepas kem kerja ini kelak.

---

4. Rancangan bagi mempersepadukan latihan perguruan rendah dan menengah rendah ini, adalah berpunca daripada perjumpaan Pendidik-Pendidik Guru Wilayah Asia (Regional Meeting of Teacher Educators in Asia) yang telah diadakan di Bandaraya Quezon, Filipina, dalam tahun 1969. Perjumpaan tersebut adalah dibawah anjoran UNESCO dengan kerjasama Asian Institute For Teacher Educators. Perkara utama yang telah diperbincangkan dalam perjumpaan tersebut ialah cara-cara bagi mempertingkatkan mutu latihan guru-guru dan cara-cara bagi merapatkan jurang perbezaan kelayakan dan mutu latihan guru-guru sekolah rendah dan guru-guru sekolah menengah dalam negeri-negeri di wilayah Asia.

5. Sebagai lanjutan kepada perjumpaan di Bandaraya Quezon itu, Kementerian Pelajaran telah mengadakan suatu Seminar Kebangsaan Perkembangan Bidang Pelajaran Latihan Guru (National Seminar on Curriculum Development in Teacher Education). Seminar tersebut telah dianjurkan bersama oleh UNESCO dan Bahagian Latihan Guru Kementerian Pelajaran dalam bulan Disember, 1970 di Maktab Perguruan ini. Seminar tersebut telah menerima pada dasarnya cadangan supaya langkah-langkah diambil bagi mempersepadukan latihan perguruan rendah dan menengah rendah di Malaysia Barat.

6. (a) Pada awal tahun 1971, sebuah jawatankuasa khas telah mengkaji laporan Seminar itu. Jawatankuasa itu telah menyokong cadangan Seminar itu oleh kerana sebab-sebab yang berikut :-

(a) Kelayakan-kelayakan minima untuk memasuki maktab-maktab perguruan rendah dan menengah rendah telah dapat disamakan, iaitu sekurang-kurangnya berkelulusan SPM/MCE.

(b) Menurut tangga gaji Aziz, tidak ada perbezaan tangga gaji diantara guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah rendah dengan menengah rendah. Seseorang guru diberi tangga gaji mengikut darjah kelulusan akademiknya, tidak kira di sekolah mana atau di peringkat sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah itu mana ia bertugas.

(7)

(c) Dengan terlaksananya sistem pelajaran anika jurusan mengikut syor-syor Laporan Jawatankuasa Rahman Talib 1960, sistem pelajaran kebangsaan kita telah menyediakan pelajaran asas terus-menerus selama 9 tahun bagi semua kanak-kanak.

(d) Latihan guru cara baharu ini jelaslah lebih seimbang dengan sistem pelajaran anika jurusan kita kerana tidak memisahkan latihan asas untuk semua guru-guru yang akan mengajar dari darjah satu sekolah-sekolah rendah hingga tingkatan III sekolah-sekolah menengah.

(e) Dengan tertubuhnya sistem latihan ini, maka perasaan berbeza-beza antara guru-guru sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah itu dengan sendiri akan terhapus.

7. Pada awal tahun ini, sebuah Jawatankuasa Menyemak Semula Kursus-Kursus Pengajian Maktab-Maktab Perguruan telah ditubuhkan, khusus untuk menggubal rancangan bagi mempersepadukan kursus-kursus latihan perguruan rendah dan menengah rendah. Suatu rancangan bagi mengujudkan latihan perguruan yang bersepadu (Integrated Primary and Secondary Teacher Training Programme) telah dikemukakan oleh Jawatankuasa itu. Rancangan itu telah disemak dan diberi ulasan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Akademik Maktab-Maktab Perguruan dan juga oleh seorang Professor Pendidikan dari luar negeri; diperbincangkan dalam mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab-Maktab Perguruan, dan setelah disemak dan dikaji lagi oleh Jawatankuasa Mengkaji Semula Dasar Latihan Perguruan dan Jawatankuasa Pusat Bidang Pelajaran Kementerian Pelajaran, *telah* diluluskan dengan beberapa pindaan dan penyesuaian yang perlu.

8. Setelah menempuh tapisan-tapisan tersebut, saya percaya rancangan bagi mempersepadukan latihan perguruan rendah dan menengah rendah itu, yang akan dilaksanakan mulai tahun 1973, adalah diterima keseluruhannya oleh semua pihak-pihak yang akan dipertanggungjawabkan bagi melaksanakannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang berkenaan diatas sumbangan mereka itu.

---

9. Sekarang sampailah kita ke peringkat akhir persiapan bagi mengujudkan rancangan persepaduan latihan tersebut, iaitu kem kerja ini. Dalam masa seminggu dari hari ini, jawatankuasa-jawatankuasa kecil berkenaan akan bekerja kuat menyiapkan deraf akhir sukatan-sukatan pelajaran masing-masing. Saya sangat sukacita memerhatikan bahawa di antara ahli-ahli jawatankuasa menggubal sukatan-sukatan pelajaran itu, ~~pula~~ terdapat ramai juga pegawai-pegawai dan pendidik-pendidik daripada beberapa institusi, badan-badan dan Kementerian-Kementerian lain. Misalnya, selain daripada pensyarah-pensyarah dari Universiti Malaya, terdapat pula satu dua orang pensyarah dari Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan dan juga beberapa orang pegawai dari Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Guru-guru sekolah juga tidak ketinggalan. Boleh dikatakan di dalam tiap-tiap jawatankuasa ada seorang dua

guru sekolah. Di Kem Kerja ini pula, seramai 19 orang guru-guru sekolah rendah dan menengah rendah Pulau Pinang akan bersama sebagai peserta-peserta pemerhati (participating observers).

10. Saya diberitahu bahawa tiap-tiap sukatan pelajaran yang akan siap digubal sebelum tamatnya tempoh kem kerja ini, akan dijadikan kertas kerja seminar-seminar pensyarah-pensyarah mata-matapelajaran berkenaan pada tahun 1973, setelah dicuba perlaksanaannya beberapa bulan. Seminar-seminar itu akan membuka peluang kepada tiap-tiap pensyarah maktab memberi buah fikiran masing-masing secara konkrit untuk menambah sempurnakan lagi sukatan-sukatan pelajaran rancangan persepaduan latihan perguruan rendah dan menengah rendah kita.

11. Dengan langkah-langkah yang telah diambil dan proses-proses yang telah dilalui seperti yang telah saya huraikan serba ringkas itu, maka nyatalah zaman segulungan kecil pentadbir-pentadbir menentukan isi bidang pelajaran latihan guru-guru kita, telah berakhir. Tahun tujuh puluhan ini bolehlah dianggap sebagai tahun perlaksanaan dasar yang melibatkan bilangan yang lebih ramai dan lebih beraneka dari semua gulungan pendidik menyertai kerja-kerja merancang dan melaksanakan rancangan latihan perguruan. Insya Allah, cara ini akan menghasilkan cita-cita mengujudkan perkembangan mutu pendidikan di sekolah-sekolah dan maktab-maktab di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran.

*Akhir kata*  
~~Akhir kata~~, saya dengan sukacitanya, mengisytiharkan Kem Kerja ini dibuka.



